

Bantuan Jepun untuk memoden niaga runcit

NEW YORK, Khamis — Satu kajian sedang dilaksanakan untuk mencari jalan memodenkan perniagaan runcit di negara ini bagi membolehkannya mendapatkan faedah maksimum dari perkembangan sistem perniagaan cara "franchise" dan perniagaan berangkai.

Menyentuh tentang perkara ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menerangkan bahawa mungkin kejayaan sistem perniagaan Jepun dapat kita contoh.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang tinggal semalam di Tokyo dalam

perjalanannya ke Amerika Syarikat Ahad lalu telah berpeluang berbincang dengan pegawai-pegawai tinggi Syarikat Tokyu Corporation — sebuah kumpulan syarikat yang mempunyai kepentingan di pelbagai bidang termasuk pembinaan, pengurusan supermarket dan perniagaan runcit.

Perdana Menteri memberitahu wartawan-wartawan yang mengikut beliau bahawa ia telah meminta syarikat berkenaan membantu usaha memodenkan perniagaan runcit di Malaysia.

Kumpulan Tokyu yang mempunyai

beberapa perusahaan di Malaysia telah pun menaja lima rakyat Malaysia untuk menjalani latihan di Jepun.

Bellau berharap lebih banyak lagi syarikat Jepun akan mengikut langkah ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menerangkan, bahawa syarikat Iselan yang terkenal sebagai pengurus perniagaan ala supermarket telah diberikan kelulusan untuk menubuhkan perniagaan di Malaysia dengan usahasama rakan-rakan niaga tempatan.

Apabila ditanya kenapakah sistem franchise dan perniagaan berangkai ini harus dimajukan, beliau menerangkan pada ketika ini kebanyakan pengurusan kedai-kedai runcit di negara ini bersifat konservatif kerana kebanyakannya dipunyai dan diurus berasaskan tenaga keluarga.

Perdana Menteri sejak beberapa tahun lalu ingin menggalakkan supaya lebih ramai Bumiputera mengambil bahagian aktif dalam perniagaan runcit.

Selaras dengan ini rancangan yang sedang ditaja untuk memberikan latihan kepada pegawai-pegawai kerajaan di peringkat menengah dan rendah bagi membolehkan mereka membuka perniagaan sendiri pada akhirnya.

Keutamaan untuk menyertai latihan demikian akan diberikan kepada mereka yang mempunyai minat di lapangan perniagaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menerangkan bahawa sebilangan yang agak besar dari pegawai kerajaan di dalam kumpulan buruh dan industri pada waktu ini sudah mulai menceburkan diri di bidang perniagaan.

Bellau menambah, pertumbuhan seperti FIMA boleh menjalankan program-program latihan untuk mereka ini dan setelah tamat mereka boleh diberikan franchise.

Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang telah berkhidmat dengan kerajaan sekurang-kurangnya 10 tahun dan yang masih muda serta sedia untuk menerima latihan. — BT.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia